

14 NOV 1996  
LEAD Measat-lancar  
MEASAT-2 BERJAYA DILANCAR

Oleh: Azman Ujang

KOUROU (French Guiana), 14 Nov (Bernama) -- Seperti misi kapal angkasa sebelum ini yang telah mempesonakan jutaan manusia, satelit milik Malaysia, Measat-2, memulakan perjalanannya sejauh 36,000km ke orbit pada pagi Khamis setelah dilancarkan dari Kourou Space Centre di sini.

Pelancaran yang disiarkan secara langsung ke Malaysia dan disaksikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali, Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat dan lebih 100 jemputan dari Malaysia, meletakkan Malaysia dalam perlumbaan teknologi satelit yang mempunyai kesan meluas terhadap kehidupan harian rakyat Malaysia.

Malahan, Ketua Pembangkang Lim Kit Siang yang seringkali mengecam projek-projek mahal, turut berada di sini bagi menyaksikan peristiwa yang disifatkan oleh Dr Mahathir sebagai satu lagi kebanggaan negara.

Measat-2 dibawa oleh roket Ariane 44L setelah dilancar tepat pada 7.40 malam di sini (6.4 pagi Khamis di Malaysia).

Pemiliknya, Binariang Sdn Bhd, menganggap ianya satu wawasan bagi mengubah kehidupan satu bilion penduduk Asia sehingga abad ke 21.

Suasana sekitar bilik kawalan agak cemas di kalangan lebih 50 jurutera yang mengendalikan Penerbangan 92 itu kerana tempoh selama 32 minit selepas pelancaran merupakan saat-saat paling kritikal untuk menentukan kejayaan atau kegagalan misi itu.

Setelah 32 minit 11 saat, Penerbangan 92 diisytihar selesai, tujuh minit setelah Measat-2 berpisah dari roket pelancarnya.

Yang turut dilancarkan bersama Measat-2 dalam roket itu ialah Arabsat 2B, milik negara-negara Liga Arab.

Terletak pada 5 darjah ke utara khatulistiwa, Kourou merupakan lokasi paling sesuai untuk pelancaran satelit. Ia juga adalah pangkalan kepada Arianespace, konsortium Eropah yang terlibat khusus dalam bidang ini.

Pelancaran hari ini merupakan yang ke-10 oleh Arianespace tahun ini.

Pelancaran berdekatan dengan khatulistiwa mengurangkan tenaga yang diperlukan untuk pergerakan di orbit, menjimatkan minyak dan seterusnya memanjangkan jangka hayat satelit, sekaligus menjadikan pelaburan lebih menguntungkan.

Measat-2, seperti juga Measat-1 yang dilancarkan dari sini Januari lepas, dibina oleh Hughes Space and Communications Company di Los Angeles dan akan dapat menyediakan perkhidmatan untuk lebih 11 tahun. Binariang membelanjakan RM600 juta untuk membina, mengendali dan melancarkan kedua-dua satelit itu.

Sebaik saja tempoh kritikal berakhir, Dr Mahathir yang begitu tekun memerhatikan proses pelancaran itu, kelihatan gembira dengan kejayaan itu manakala jemputan dari Malaysia mengibarkan bendera negara seperti ketika peminat bola sepak atau badminton meraikan kemenangan pasukan mereka.

Dr Mahathir berkata kemudian bahawa itulah pertama kalinya beliau melihat pelancaran satelit dan mengakui keadaan yang cemas itu agak berat baginya.

"Secara terus terang, saya agak ragu-ragu sedikit kerana biasanya apabila saya hadir, ada saja yang tidak kena.

"Itulah sebabnya kenapa saya tidak pernah menonton perlawanan bola sepak atau apa-apa pertandingan kerana akhirnya pasukan yang saya sokong selalunya kalah. Tetapi kali ini, saya gembira dan lega kerana ianya berjaya.

"Saya fikir saya tidak dapat menghadapi tekanan kerana pada usia

sekarang, saya tidak seharusnya terdedah kepada perkara-perkara yang menimbulkan keresahan," katanya.

Dr Mahathir juga menyambut baik kehadiran Lim Kit Siang.

"Saya berpendapat baik juga beliau datang melihat apa yang kita sedang usahakan untuk kepentingan Malaysia dan saya yakin beliau menerima hakikat itu.

"Kit Siang faham, walaupun beliau buat bising di Parlimen, mengecam kerajaan dan mengecam saya. Itu tidak mengapa. Saya boleh berkawan, malahan dengan lawan saya."

Perdana Menteri berkata Malaysia sentiasa berminat untuk mendalami teknologi angkasa lepas, roket dan kenderaan angkasa lepas.

Beliau berkata terdapat keuntungan sampingan dengan mempelajari ilmu seperti itu dan berharap Malaysia mampu melancarkan satelitnya sendiri.

Ketika ditanya bagaimana rakyat Malaysia boleh mendapat manfaat daripada teknologi satelit yang diusahakan oleh syarikat-syarikat seperti Binariang, Dr Mahathir berkata kebanyakannya akan digunakan untuk bidang telekomunikasi dan penyiaran bagi membolehkan negara mempunyai satu bentuk kawalan terhadap bahan-bahan penyiaran.

"Kita akan mempunyai pengaruh mengenai apa yang disiarkan, jika tidak kita hanya berada di pihak yang menerima. Anda tahu bahawa kita tidak puas hati sekadar menerima berita yang disiarkan oleh orang lain. Mereka mempunyai agenda lain dan kita perlu tentukan agenda kita sendiri diberi perhatian," katanya.

Perdana Menteri berkata Malaysia sedang berusaha bersama rakan kongsi asing untuk membuat satelit mikro, dan menyifatkannya sebagai satu proses pembelajaran baru yang penting untuk negara.

Dr Mahathir yang juga ditanya mengenai pembelian Lotus, pembuat kereta British, oleh syarikat Malaysia baru-baru ini, berkata bahawa ia bukan semata-mata bertujuan mengurangkan pergantungan Malaysia kepada Jepun untuk teknologi membuat kereta.

Langkah itu berdasarkan lebih kepada hakikat bahawa Malaysia mahu melaksanakan sesuatu dengan sendiri dan dengan itu, wajar bagi Malaysia mendapatkan teknologi yang telahpun dimiliki oleh orang lain.

"Dari situ, kita akan cuba memajukannya dan membaiki teknologi yang kita perolehi itu. Kita telah mendapat faedah daripada orang Jepun dan mereka memberikan kita sedikit teknologi. Saya tidak nampak kenapa kita harus menolak peluang untuk mempelajari dari sumber lain dan saya percaya pihak Jepun tidak akan membantah.

"Sebaliknya, saya berpendapat pertalian dengan pihak Jepun berguna kerana daripada mereka, kita dapat memahami bidang kejuruteraan automotif. Kita akan melakukan kesilapan jika kita menolak satu kerana kita telah perolehi yang lain," kata Dr Mahathir. -- BERNAMA

AU MAI